








KEPIMPINAN DAN ETIKA

BICARA PSIKOLOGI SIRI 3 : ETIKA DAN KEPIMPINAN

PUTRAJAYA, 8 Oktober 2024 – Cawangan Psikologi, Bahagian Pengurusan dan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) telah mengadakan Bicara Psikologi Siri 3 secara atas talian yang bertajuk Kepimpinan dan Etika.



Bicara Psikologi Siri 3 ini telah disampaikan oleh Dr. Ahamad Badruddin Abdullah dari Kluster Pembangunan Dasar, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Seramai 57 orang Warga Kehakiman telah menyertai program ini. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran Warga Kehakiman berkaitan kepentingan serta keperluan kepimpinan dan etika di tempat kerja. Antara aktiviti yang dilakukan adalah ceramah, sesi soal jawab, ujian etika, sesi perkongsian video dan sesi perkongsian pendapat. Sepanjang program ini dilaksanakan, penceramah dan peserta saling bertukar pandangan mengenai isu yang diutarakan. Program ini telah berjaya dilaksanakan dan mendapat sambutan dari Warga Kehakiman.







TAKLIMAT LAPOR DIRI JURUBAHASA LANTIKAN BARU TAHUN 2024

PUTRAJAYA, 17 Oktober 2024 – Cawangan Psikologi, Bahagian Pengurusan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) telah dijemput untuk memberikan taklimat kepada seramai 69 orang Jurubahasa Gred LA19 yang baru melapor diri. Program ini telah diadakan di Dewan Persidangan Bangunan Annexe Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya.



Taklimat telah disampaikan oleh Puan Norhafizah binti Mohd Sukri, Penolong Pegawai Psikologi. Beliau turut mendedahkan tentang misi, visi, serta peranan Cawangan Psikologi di Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) dan Mahkamah-Mahkamah Negeri.



MESYUARAT AKHIR PENYELARASAN PROGRAM HARI PSIKOLOGI DAN AKRAB

PUTRAJAYA, 30 Oktober 2024 – Mesyuarat akhir penyelarasan Hari Terbuka Psikologi dan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) telah diadakan di Bilik Gerakan aras 3, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP). Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Datuk Zamri bin Haji Bakar, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia. Semua ahli jawatankuasa program tersebut telah hadir ke mesyuarat bagi memastikan segala

maklumat berkaitan program dijelaskan secara lengkap. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah pemilihan *backdrop*, tentatif program, bilangan tetamu dan pempamer yang hadir, serta urusan parkir pada hari kejadian. Pelbagai pandangan yang diberikan oleh Datuk Zamri bagi memurnikan lagi perjalanan program. Antaranya adalah masa pendaftaran serta sarapan yang telah dilewatkan bagi memastikan peserta dan tetamu tidak tergesa-gesa.